♥PENANG

1 - 15 SEPTEMBER, 2025

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow




RAMLI Ngah Talib dan isteri, Noora Ashikin Raja Abdullah (tengah) berkenan merakamkan gambar bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Pulau Pinang usai Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 di Dewan Sri Pinang baru-baru ini. Turut sama, isteri-isteri pemimpin tertinggi, barisan Exco Kerajaan Negeri serta ex-officio.

# Demi pembangunan dan kebajikan negeri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang berharap lebih banyak projek dicadangkan negeri di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) memperoleh perhatian Perdana Menteri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sebagai antara negeri penyumbang terbesar pendapatan negara, Pulau Pinang wajar terus diberikan perhatian khas oleh Kerajaan Persekutuan termasuk mempertimbang pemberian 20 peratus daripada hasil kutipan cukai dikembalikan bagi menyokong pembangunan serta program kebajikan dan sosial negeri ini.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus mengorak langkah teguh dalam melaksanakan usaha menaik taraf lebuh raya dan jajaran jalan utama yang menghubungkan kawasan perindustrian, kawasan kediaman dan kawasan luar bandar.

"(Dan) dengan dukungan daripada Kerajaan Persekutuan, keutamaan perlu diberikan kepada projek-projek strategik dalam menangani keperluan rakyat, misalnya membabitkan penaiktarafan jalan persekutuan dari Bayan Lepas ke Teluk Kumbar kepada jalan berkembar empat lorong yang akan menyelesaikan isu *'missing link'* sekali gus menyuraikan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

"Dalam pada itu, kita juga menunggu pelaksanaan projek pembinaan Lebuhraya Bertingkat Juru – Sungai Dua yang dijadualkan bermula pada suku keempat tahun ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2025 dekat Dewan Sri Pinang di sini pada 26 Julai lalu.

Menyentuh mengenai pembekalan air, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri kini dalam fasa memuktamadkan Projek Air Perak – Pulau Pinang.

"Rundingan rasmi Kerajaan Negeri bersama-sama negeri Perak dijangka bermula dalam tempoh terdekat.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Lebih banyak projek peroleh perhatian




**KETUA Menteri menyantuni wira-wira sektor 3D (kotor, bahaya, sukar) Pihak Berkuasa Tempatan yang menerima pingat kehormatan sebagai menghargai jasa serta dedikasi mereka berkhidmat di negeri ini. Turut mengiringi, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye (enam dari kanan), Zulkifli Long (lima dari kanan), Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Dato' Ir. A. Rajendran (empat dari kanan) dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai, Dato' Baderul Amin Abdul Hamid (tiga dari kanan).**

"Selain itu, turut menunjukkan perkembangan positif adalah projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), yang mana pembinaannya sedang berjalan mengikut jadual dan terminal baharu dijangka beroperasi menjelang 2027.

"(Dan) dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai 'Lembah Silikon Pertanian' yang memfokuskan industri pertanian pintar, projek *Sedusun Tech Valley* melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) kini berada pada peringkat kerja-kerja pembersihan di tapak projek, dan ia dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2027," jelasnya.

Bagi pelan jangka masa panjang dalam mengekalkan percambahan berterusan, Kon Yeow memberitahu bahawa *Penang International Financial Centre* (PIFC) bakal direalisasikan melibatkan pelbagai kemudahan kewangan serta infrastruktur sokongan, seperti pengurusan dana, pusat konvensyen antarabangsa, perkhidmatan perbankan mewah, zon perdagangan bebas, teknologi kewangan *(fintech)* dan hab logistik.

"Badan pemikir, *Penang Institute* telah diberikan peranan untuk memulakan proses Penyataan Minat (EOI) pada Mac lalu, dan hasilnya telah dibentangkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) baru-baru ini.

"Ia kini diteruskan dengan libat urus bersama Kerajaan Persekutuan, termasuk Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, yang bermatlamat menarik aliran modal baharu bagi mengukuhkan sektor semikonduktor di Koridor Utara, selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Strategi Semikonduktor Negara (NSS)," ulasnya lanjut.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut menyatakan tekad untuk terus memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai antara pemacu utama ekonomi negara.

"(Ini terbukti) apabila Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 4.8 peratus pada tahun 2024, berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya.



**LEE Chong Wei diiringi isteri, Wong Mew Choo ketika ditemui selepas menerima kurnia Darjah Gemilang Pangkuan Negeri yang membawa gelaran Dato' Seri pada istiadat berkaitan di sini baru-baru ini.**

> **"Sesungguhnya, dalam meniti cabaran dunia masa kini, hanya pentadbiran berteraskan integriti, tadbir urus cekap, budaya inovasi progresif serta menjunjung nilai manusiawi sahaja yang mampu menjamin kelangsungan kejayaan negeri ini."**
>
> **- RAMLI Ngah Talib.**

"Pertumbuhan positif ini menyumbang pada nilai keseluruhan KDNK negeri sebanyak RM121.5 bilion, iaitu peningkatan RM5.5 bilion berbanding tahun 2023 yang mana sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar dengan RM58.4 bilion atau 48.1 peratus, manakala sektor pembuatan mencatatkan RM56.1 bilion (46.2 peratus), menunjukkan pemulihan kukuh selepas sedikit penguncupan pada tahun sebelumnya.

"Pulau Pinang juga mencatat rekod cemerlang dalam aspek guna tenaga, dengan kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 72.0 peratus, bersamaan 926,200 orang dan kadar pengangguran menurun kepada hanya 2.0 peratus, iaitu antara yang terendah di Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ramli Ngah Talib yang diiringi isteri, Toh Puan Noora Ashikin Raja Abdullah ketika menyampaikan ucapan menzahirkan pengharapan agar segala kejayaan dan pengukuhan ekonomi yang dikecapi kini tidak dijadikan alasan untuk berasa selesa atau leka.

"Sebaliknya, ia harus menjadi pemangkin kepada usaha yang lebih gigih, agar kemajuan dikecapi hari ini dapat dipertahankan, diperkukuh dan diwariskan kepada generasi akan datang.

"Sesungguhnya, dalam meniti cabaran dunia masa kini, hanya pentadbiran berteraskan integriti, tadbir urus cekap, budaya inovasi progresif serta menjunjung nilai manusiawi sahaja yang mampu menjamin kelangsungan kejayaan negeri ini," katanya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Mohd. Yussof Abdul Latiff dan Pengerusi Eksekutif MMAG Holdings Berhad, Datuk Wira Farhash Wafa Salvador mendahului senarai 1,530 penerima bagi tahun ini.

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) merangkap Pengerusi Majlis-majlis Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Law Choo Kiang dan isteri, Datin Seri Teoh Hooi Tuang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid dan isteri, Datin Noraini Abd. Jalil; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo dan isteri, Belindar Bhar; barisan Exco Kerajaan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long dan isteri, Datin Faziah Johari antara kenamaan yang hadir pada majlis berkaitan.

# Percaya kebolehan diri



NUR Azlia Syafinaz Mohd. Zais (dua dari kiri) bersama-sama jurumudi Nurul Suhada Zainal (kiri sekali) tercalon sebagai Calon Olahragawati Paralimpik Kebangsaan 2024 pada Anugerah Sukan Negara 2024 baru-baru ini.

**ATLET** berbasikal para negara, **NUR AZLIA SYAFINAZ MOHD. ZAIS** baru-baru ini telah dinobatkan sebagai Olahragawati Paralimpik pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2023/2024.

Anak jati Pulau Pinang yang berasal dari Bagan Jermal itu juga pernah mengungguli kategori sama pada Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2019-2022.

Atlet berusia 27 tahun itu pernah tercalon bagi Kategori Olahragawati Paralimpik Negara untuk tahun ketiga pada Anugerah Sukan Negara 2024 yang berlangsung di ibu negara baru-baru ini.

Susulan kejayaan demi kejayaan, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** cuba mendekati pelumba basikal para itu.

Menyorot kembali penglibatan dalam arena lumba basikal, kebolehan Nur Azlia Syafinaz tampak ketika beliau menyertai Sukan Para ASEAN 2017 di Kuala Lumpur bersama-sama gandingannya, Noraidillina Adilla J. Sam dan berjaya meraih pingat emas di arena Velodrom Nasional Malaysia.

Tidak terhenti di situ, Nur Azlia Syafinaz turut muncul penyumbang terbanyak kontinjen Malaysia dalam kejohanan sama dengan meraih empat pingat emas dan satu pingat perak, melayakkannya menerima Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM).

Semangatnya terus menyemarak pada kejohanan Sukan Para Asia 2018 di Jakarta apabila beliau menunjukkan prestasi cemerlang dengan pungutan tiga pingat emas.

> **“Berkat keyakinan dan tawakal serta melakukan yang terbaik, alhamdulillah beroleh kejayaan.”**
>
> **- NUR Azlia Syafinaz Mohd. Zais.**

“Alhamdulillah, pada kejohanan ini saya berjaya menyumbang pingat emas pertama saya buat negara dan ia kekal menjadi kenangan manis sampai bila-bila,” katanya.Namun, di sebalik kejayaan memperoleh tiga pingat emas, Nur Azlia Syafinaz berkongsi kisah duka apabila beliau mengalami kecederaan tulang punggung selepas terjatuh ketika sesi latihan di Velodrom Nasional Nilai, Negeri Sembilan.

“Selepas kemalangan itu, saya mengambil masa enam hingga lapan bulan untuk kembali pulih.

“Memang saya sangat takut ketika itu, kerana sesi latihan tersebut adalah untuk kejohanan Sukan Para Asia (2018), saya takut saya digugurkan (penyertaan) dan tidak dapat menyumbang pingat.

“Tetapi berkat keyakinan dan tawakal yang mana saya serahkan segala usaha saya kepada-Nya serta melakukan yang terbaik, alhamdulillah beroleh kejayaan,” ceritanya.

Aksi konsisten, membolehkan Nur Azlia Syafinaz membawa pulang tiga pingat emas pada Kejohanan Trek Para Asia di Indonesia pada tahun 2019.

Tanpa menoleh, anak kedua daripada empat adik-beradik itu meneruskan rentak cemerlang dengan perbaiki catatan peribadi terbaiknya pada temasya Sukan Paralimpik 2020 di Velodrom Izu, Tokyo meskipun berdepan detik cemas dikejarkan ke pusat perubatan susulan masalah pernafasan.

Bersama-sama jurumudi, Nurul Suhada Zainal, Nur Azlia Syafinaz terus beraksi cemerlang dengan pertahankan pingat emas acara kejar mengejar tiga kilometer (km) wanita pada Kejohanan Berbasikal Trek Asia 2023 (ACC2023) di Velodrom Nasional Nilai.

*(Sambungan di muka 14).*



**NUR Azlia Syafinaz Mohd. Zais.**



**NUR Azlia Syafinaz Mohd. Zais (tiga dari kanan) bersama-sama jurumudi, Nur Fitrah Shaari (tiga dari kiri) memperoleh pingat emas dalam acara 4,000 meter kejar mengejar individu pada kejohanan di Velodrom Nasional pada Februari lalu.**

# Dari deejay ke kulinari warisan

**BERMULA** sebagai seorang penyampai radio *(deejay)* tanpa arah tuju jelas, **YUSNIZA AYU YUSOFF**, 51, atau lebih mesra disapa sebagai 'Kak Ayu' kini menemui kebahagiaan sejati dalam dunia kulinari yang menyajikan makanan warisan zaman-berzaman.

Pernah berkecimpung dalam dunia glamor bergelar *'deejay'*, pegawai jualan dan ahli logistik, beliau kini kembali kepada minat asal iaitu memasak dan menghidang dengan penuh sketsa cerita menarik.

Baru-baru ini, Kak Ayu berkongsi latar belakang perjalanan dan perniagaannya dalam satu sesi wawancara khas bersama-sama wartawan pelatih Buletin Mutiara, **M. DANESWARAN** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** di salah sebuah café dekat George Town.



YUSNIZA Ayu Yusoff.



SELAIN menyediakan makanan bufet di *Quallys Nusantara Kitchen*, makanan berbungkus dan saji hidang turut menjadi pilihan pelanggannya.

## Cebur diri

Perjalanan kulinari Kak Ayu bermula secara rasmi pada tahun 2019 apabila beliau membuka sebuah restoran dikenali sebagai *Quallys Nusantara Kitchen*, yang kini dijenamakan semula sebagai 'Cerita Kak Ayu'.

Mengimbau kembali pembukaan kedai makanan pertamanya di Jalan Burma, Kak Ayu memberitahu bahawa ia merupakan langkah awal dalam memperkenal masakan warisan kepada masyarakat tempatan, terutamanya generasi muda yang dipercayai kian melupakan rasa tradisi nenek moyang terdahulu.

"Setiap hari saya tampilkan menu berlainan supaya pelanggan tidak jemu dan sentiasa teruja menanti sajian seterusnya.

"Antara menu paling digemari ialah nasi rancak iaitu nasi yang dimasak dengan kunyit, dimakan bersama-sama salah satu hidangan dari empat variasi iaitu *lamb grilled*, ayam percik, ikan cencaru atau ayam berempah," ceritanya.

## Menu dan keaslian

Menurut Kak Ayu, menu yang terdapat di 'Cerita Kak Ayu' sememangnya menggamit selera pengunjung yang bertandang dan antara menu *'signature'* adalah rendang dendeng, pajeri nanas, gulai lemak ikan salmon dan masak lemak cili padi.

"Resipi-resipi ini saya pelajari daripada nenek dan ibu kerana sejak kecil lagi saya sudah biasa berada di dapur untuk melihat mereka memasak.

"Dunia penyediaan makanan bukan sekadar memasak tetapi juga merangkumi kefahaman terhadap pengurusan kos, inventori dan kebersihan.

"Tanpa kefahaman mendalam tentang selok-belok bidang makanan dan minuman, seseorang mudah berdepan kegagalan kerana perniagaan bukan bidang yang boleh diceburi tanpa persediaan," jelasnya.

Membesar dalam suasana penuh kasih sayang dan tradisi masakan Melayu, Kak Ayu menegaskan bahawa aspek halal dan pengendalian bahan mentah dengan penuh teliti amat dititikberatkan.

"Sebagai contoh, saya menggunakan dua mesin ais berbeza iaitu satu untuk ikan dan satu untuk minuman bagi mengelakkan pencemaran silang," tambahnya.

Lebih menarik, menurut Kak Ayu, majoriti pelanggan tetap beliau adalah terdiri daripada masyarakat berbangsa Cina.

"Ia menunjukkan bahawa makanan yang disediakan dengan kasih sayang tidak mengenal bangsa atau agama.

"Saya mahu mesej saya disampai dengan jujur yang mana apabila pelanggan merindui masakan saya, mereka tahu di mana untuk mencarinya," kongsinya.

Difahamkan, Kak Ayu juga menguruskan sendiri laman media sosialnya seperti *TikTok* dan *Facebook* sebagai medium menyampaikan mesej serta nilai yang terkandung dalam setiap hidangan.

## Cabaran dan harapan

Berkongsi mengenai cabaran, Kak Ayu mendedahkan bahawa beliau turut berdepan isu bahan mentah yang terhad serta kekangan tenaga kerja dalam mengurus serta menjaga kualiti agar menepati selera pelanggannya.

Walau bagaimanapun, dengan ketekunan dan semangat yang tinggi, beliau terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri berkaitan.

"Saya pernah jatuh sakit akibat alahan terhadap klorin ketika mengendalikan operasi dapur dahulu, namun saya tetap teruskan kerana percaya bahawa makanan adalah medium penyatuan," katanya.

Jelasnya lagi, memakai sarung tangan tidak semestinya menjamin kebersihan jika tidak ditukar dengan kerap dan tangan tidak dibasuh dengan betul.

"Dalam pengendalian harian di restoran, saya pastikan setiap bahan dan ruang dikendalikan dengan penuh cermat," ulasnya lanjut.

Kini, 'Cerita Kak Ayu' dalam perancangan untuk membuka cawangan baharu yang bakal menampilkan elemen tradisi termasuk persembahan hidangan berteraskan budaya dan dekorasi ala kampung.

Kisah hidup dan perjuangan Kak Ayu menjadi bukti bahawa kekuatan seorang wanita terletak pada keupayaannya menyentuh hati masyarakat melalui apa yang dicipta, dihidang dan diwariskan.



IKAN goreng cencaru atau ikan jaket merupakan antara menu popular yang menjadi kegemaran para pelanggannya.



KETIKA pandemik COVID-19, Kak Ayu menyediakan menu khas 'Roti Nusantara' untuk para barisan hadapan di hospital.

# EKOPELANCONGAN jana pendapatan


SALAH satu tarikan untuk bergambar di sini.

**DAERAH** Seberang Perai Utara (SPU), khususnya kawasan Tasek Gelugor sememangnya kaya dengan keindahan dan kepelbagaian alam semula jadi sehingga menjadi tumpuan penggemar aktiviti ekopelancongan.

Menyedari manfaat tersebut, Koperasi Nelayan dan Komuniti Labuh Banting Pulau Pinang Berhad mengambil peluang menjana pendapatan dengan memperkenalkan pelbagai program ekopelancongan khusus untuk para pengunjung.


MOHD. Anizam Ahmad.

Pengerusinya, **MOHD. ANIZAM AHMAD** memberitahu bahawa usaha tersebut selaras dengan objektif penubuhan koperasi berkaitan iaitu untuk perkasakan pengurusan sumber dan ekonomi, di samping membantu meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

## Pelbagai pakej menarik

Beliau berkata, kedudukan Jeti Labuh Banting yang terletak berhampiran Sungai Kulim menjadikan lokasi tersebut amat popular terutamanya untuk aktiviti menangkap ikan, udang galah dan pelancongan sungai.

"Setelah mengambil kira faktor ini, kami telah perkenalkan beberapa projek utama yang boleh menjana pendapatan koperasi seperti *River Cruise Labuh Banting* dan *Kampung Trail* yang ternyata berjaya menarik kehadiran pelancong ke sini.

"Kami jadikan produk ini sebagai satu pakej lengkap yang mana pengunjung yang bertandang boleh memilih pengisian aktiviti yang mereka mahukan mengikut kehendak dan kemampuan masing-masing.

"Sebagai contoh, sekiranya pengunjung memilih Pakej Nipah, mereka dapat menikmati pelayaran katamaran dari Jeti Labuh Banting ke Titi Timbul dan Hutan Pelajaran Air Itam Dalam dengan harga RM150 untuk sebuah bot (maksimum 15 orang).

"Menariknya, sepanjang pelayaran selama 1 jam 40 minit itu, pengunjung boleh melakukan aktiviti berkelah di atas bot dengan syarat mereka perlu membawa makanan sendiri selain berpeluang memetik sayur kangkung yang tumbuh segar di dalam sungai ini untuk dibawa pulang," ujarnya sambil menambah bahawa semua pengemudi bot mempunyai lesen yang sah.



MOHD. Anizam Ahmad (kiri sekali) mengiringi wakil daripada Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengunjungi Dapoq Kayu baru-baru ini.

Selain itu, Mohd. Anizam berkata bahawa pihaknya juga menyediakan Pakej Putat dengan bayaran RM41 seorang dengan maksimum seramai 15 orang pada satu-satu masa.

"Pengunjung berpeluang melakukan aktiviti *Kampung Trail* dengan mengayuh basikal untuk menikmati buah-buahan tempatan, melihat projek penternakan kelulut dan penghasilan dodol secara tradisional (di Dapoq Kayu) yang diusahakan oleh penduduk tempatan.



PERKHIDMATAN katamaran disediakan dari Jeti Labuh Banting sehingga ke Hutan Pelajaran Air Itam Dalam.

"Pakej Putat turut menyediakan perkhidmatan pelayaran katamaran pengunjung akan dihidangkan dengan sarapan pagi dan makan tengah hari serta berpeluang merasai kelazatan air kelapa pandan.

"Malah, kami turut menyediakan pakej dengan harga serendah RM18 seorang dikenali sebagai Pakej Berembang yang mana pengunjung berpeluang menikmati pelayaran katamaran dan *Kampung Trail* untuk melihat projek kelulut dan pembuatan dodol tradisional," katanya.

Difahamkan, pengunjung juga boleh memilih untuk berjalan kaki bagi melakukan aktiviti *Kampung Trail*.

Bukan itu sahaja, Mohd. Anizam memberitahu bahawa pihak koperasi turut menawarkan Pakej Eksplorasi Desaku Labuh Banting yang menawarkan pelbagai program menarik termasuk *Eco Challenge Team Building*, pelayaran katamaran dan *Kampung Trail* dengan harga RM80 seorang.

*(Sambungan di muka 15).*

# Sasar ketiga terbaik kebangsaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**JABATAN** Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) akan terus memperhebat kerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri bagi menjayakan Pertandingan Kawad Kaki Pasukan Badan Beruniform Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pembangunan Bakat Murid - Kokurikulum), **MOHAMAD SAID IBRAHIM** memberitahu perkara itu seusai acara saingan Kategori Sekolah Rendah yang berlangsung di Pusat Kokurikulum Bukit Mertajam pada 22 Julai 2025.

"Mereka (pasukan) yang bertanding pada hari ini adalah jaguh yang memenangi pertandingan peringkat daerah masing-masing iaitu johan dari peringkat daerah akan bertanding pada peringkat negeri.

"Mereka yang dipilih sebagai johan pertandingan peringkat negeri akan mewakili Pulau Pinang untuk saingan peringkat kebangsaan.

"Program pada hari ini sebenarnya adalah program tahunan (yang mana) pada tahun ini saya nampak perjalanan lebih bermakna kerana penglibatan memberangsangkan daripada JBS Negeri bersama-sama Program Rakan Muda," jelasnya kepada Buletin Mutiara pada 22 Julai lalu.

Hadir sama, Penolong Pengarah Pendidikan (Sektor Pembangunan Bakat Murid - Kokurikulum), Saffi Abdul Hafiz.

Difahamkan, seramai 400 pelajar sekolah rendah terpilih daripada pelbagai pasukan badan beruniform bersaing bagi merebut kedudukan dalam empat kategori pertandingan.

Pada hari berikutnya, Buletin Mutiara dimaklumkan, kira-kira 1,050 pelajar dari sekolah menengah terpilih merebut kedudukan dalam enam kategori lain yang dipertandingkan.



MOHAMAD Said Ibrahim.

> **"Penyertaan pertandingan seumpama ini akan memberi pendedahan kepada murid-murid mengenai aktiviti di luar kelas yang akan menyihatkan tubuh badan."**
>
> **- MOHAMAD Said Ibrahim.**

Mohamad Said memberitahu bahawa JPNPP senantiasa melihat pertandingan sebegini sebagai pendekatan untuk meningkatkan tahap disiplin dan kemandirian murid sekolah.

"Di samping itu, dengan penyertaan pertandingan seumpama ini akan memberi pendedahan kepada murid-murid mengenai aktiviti di luar kelas ataupun kokurikulum (yang mana) akan menyihatkan tubuh badan mereka juga.

"Mereka bertanding dalam platun, maka, nilai-nilai kerjasama serta saling bertolak ansur akan diterapkan dalam diri murid-murid.

"Bagi JPNPP dan KPM (Kementerian Pendidikan), kita menyediakan pemeringkatan pada peringkat sekolah, daerah, dan kebangsaan kepada para peserta yang menyertai pertandingan ini," ujarnya sambil memberitahu bahawa aspek pemeringkatan ini turut meliputi bidang sukan dan kokurikulum lain.




**PASUKAN pengakap lelaki SJKC Min Sin dinobatkan sebagai johan dan bakal mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.**

Pada 29 September ini, Buletin Mutiara dimaklumkan bahawa akan dianjurkan Pertandingan Kawad Kaki Pasukan Badan Beruniform Peringkat Kebangsaan yang mana asalnya dijadual berlangsung di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

"Kemungkinan, lokasi penganjuran acara kawad kaki akan berpindah ke Dataran Pahlawan dekat Putrajaya, serentak dengan penganjuran pertandingan inovasi sekolah di *IOI Mall* (Putrajaya) yang mana ia bergantung kepada keputusan bersama kementerian-kementerian berkaitan", ulasnya lanjut.

Mengulas lanjut, Mohamad Said menyatakan bahawa pihaknya berharap Pulau Pinang berada pada kedudukan negeri ketiga terbaik dalam pertandingan kawad kaki peringkat kebangsaan tersebut.

"Sudah tentu, kita (JPNPP) menyasarkan kedudukan tiga terbaik walaupun kita tahu pertandingan peringkat kebangsaan ini akan menyaksikan saingan yang begitu sengit.

"Pada tahun lepas, kita berada pada kedudukan ketiga terbaik… bukan mudah untuk proses pembentukan platun, maka, kita harap Pulau Pinang berada tempat ketiga kalau mengikut negeri," ujarnya lanjut.

Bagi Pertandingan Kawad Kaki Pasukan Badan Beruniform Sekolah Rendah (PBBSR) Kategori Lelaki, juara dimenangi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Min Sin.

Kejuaraan itu mengulangi kejayaan yang dirangkul pada kejohanan tahunan 2024, pada 24 Disember tahun lalu.

Guru pengiring SJKC Min Sin, **ANG AIK FUNG** yang ditemui kemudian memberitahu bahawa saingan peringkat negeri pada kali ini melibatkan seramai 84 pelajar dari empat pasukan badan beruniform.

"Pencapaian mereka sangat baik, mereka dah cuba yang terbaik, kali ini pun mereka tidak banyak melakukan kesilapan.

"Walau bagaimanapun, saya terkejut juga kerana *'senior-senior'* mereka yang menyertai pertandingan ini pun buat dengan baik, tetapi tidak berpeluang (dipilih) sebagai johan.

"Ini, kemenangan kali kedua rasanya, pada tahun lepas (2024) telah menang pasukan badan beruniform kategori lelaki dan perempuan pasukan pengakap kedua-dua kategori masuk pertandingan peringkat kebangsaan, tetapi pada kali ini, kategori lelaki sahaja akan masuk (pertandingan peringkat kebangsaan)," ulasnya sambil menganggap para pelajar di bawah bimbingannya telah membuat persembahan terbaik dalam saingan pada kali ini.



**ANG Aik Fung (beruniform) bergambar kenangan bersama-sama pasukan Tunas Kadet Remaja Sekolah (Puteri) SJKC Min Sin selepas pertandingan berkaitan di sini baru-baru ini.**

# Latihan konsisten, disiplin tinggi kunci kejayaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SEKOLAH** Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Syeikh Abdullah Fahim mengungguli Pertandingan Kawad Kaki Pasukan Badan Beruniform (Sekolah Menengah) Peringkat Negeri Pulau Pinang apabila berjaya menggondol tiga trofi kejuaraan daripada enam kategori yang dipertandingkan.

Dalam acara yang berlangsung dekat Pusat Kokurikulum Negeri Pulau Pinang itu, SMKA Syeikh Abdullah Fahim dinobatkan sebagai juara bagi kategori Badan Bukan Kerajaan (NGO) Puteri, Kelab Remaja Sekolah (KRS) Puteri dan KRS Putera.

Malah, sekolah tersebut turut menerima Anugerah Ketua Platun Terbaik bagi tiga kategori iaitu Badan Kerajaan (GO) Putera, NGO Putera dan NGO Puteri.

Guru Penyelaras Unit Beruniform merangkap jurulatih kawad kaki SMKA Syeikh Abdullah Fahim, **MUHAMMAD IZZUDDIN HASMIZI** ketika ditemui berkata bahawa komitmen dan disiplin tinggi yang ditunjukkan oleh para pelajar menjadi faktor utama dalam mencapai kejayaan tersebut.

Menurut beliau, semua pelajar yang terlibat menjalani latihan secara konsisten dan disiplin hampir setiap hari.

"Tambahan pula, SMKA Syeikh Abdullah Fahim adalah sekolah berasrama, jadi para pelajar boleh memberikan komitmen untuk menjalani latihan lebih kerap termasuk pada sebelah petang dan malam.

"Sebenarnya, latihan sebelah petang sekejap sahaja iaitu dari pukul 5 petang sehingga 6 petang, tetapi pada waktu malam latihan lebih panjang iaitu dari pukul 9 hingga 10 malam," katanya.

Muhammad Izzuddin memberitahu bahawa kejayaan tersebut juga adalah daripada sokongan dan dorongan tidak berbelah bahagi semua pihak termasuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), barisan guru, pentadbir sekolah serta alumni.

"Tanpa sokongan padu daripada semua pihak, kami mungkin tidak mampu untuk berada pada tahap ini," ujarnya sambil menambah semua pakaian beruniform pelajar untuk pertandingan tersebut adalah ditaja sepenuhnya oleh alumni sekolah.

Beliau berkata, SMKA Syeikh Abdullah Fahim mempertaruhkan seramai 210 pelajar pada tahun ini yang terdiri daripada enam platun.

"Pada tahun ini, kami membawa dua pasukan KRS Puteri dan Putera, Kadet Sekolah Pertahanan Awam (KASPA) perempuan serta pengakap lelaki dan perempuan," ulasnya lanjut.

Menyentuh mengenai prestasi, Muhammad Izzuddin memberitahu bahawa SMKA Syeikh Abdullah Fahim berjaya meningkatkan momentum kejayaan dengan meraih tiga trofi kejuaraan pada tahun ini berbanding hanya dua pada tahun lepas.

"Tahun lepas, sekolah kami hanya memperoleh dua johan dan tempat ketiga dalam tiga kategori.

"Oleh itu, pada tahun ini kami mengambil pengajaran daripada pengalaman lalu dan berusaha menambah baik setiap kelemahan yang dikenal pasti.

"Bukan itu sahaja, para guru juga berusaha menambah baik kemahiran masing-masing dengan menyertai pelbagai kursus dan bengkel untuk meningkatkan lagi ilmu berkaitan kawad kaki.

"Sebagai guru, kami tidak boleh hanya melihat pelajar menjalani latihan dan harap berlaku keajaiban, sebaliknya guru-guru juga perlu berusaha mencari ilmu dan menambah baik segala kelemahan yang ada sebelum memberi tunjuk ajar kepada para pelajar," ujarnya.



**ANTARA pasukan badan beruniform sekolah menengah yang menyertai pertandingan kawad kaki yang diadakan di sini baru-baru ini.**

Rentetan kejayaan yang diraih, Muhammad Izzuddin berkata bahawa semua pasukan yang dinobatkan sebagai johan akan mengambil bahagian dalam pertandingan kawad kaki pada peringkat kebangsaan di Putrajaya.

"Selepas ini, kami akan ke peringkat kebangsaan dan kami sasarkan untuk berada dalam kedudukan lima pasukan terbaik.

"Namun begitu, kami perlu membuat rakaman video terlebih dahulu pada fasa pertama dan sekiranya tersenarai dalam kedudukan lima terbaik, maka kami akan ke peringkat kebangsaan untuk pertandingan secara bersemuka di Putrajaya," katanya menutup bicara.

Terdahulu, majlis penutup Pertandingan Kawad Kaki Pasukan Beruniform dan Fiesta Rakan Muda Peringkat Negeri Pulau Pinang yang berlangsung pada 22 hingga 23 Julai 2025 telah dirasmikan oleh Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen.

Semasa berucap, Zi Sen menyatakan bahawa penganjuran Fiesta Rakan Muda berupaya membina ekosistem pembangunan belia yang menyeluruh daripada aspek seni, kemahiran, kesukarelawanan, digital, alam sekitar, sehinggalah kepada ekspresi budaya dan suara demokrasi.

"Saya amat bangga melihat penyertaan daripada pelbagai latar belakang termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi, NGO dan Sekretariat Rakan Muda.

"Ini membuktikan bahawa belia Pulau Pinang bersedia untuk menjadi pemacu masa depan negeri dan negara.

"Saya juga teruja melihat penyertaan ramai peserta dalam pelbagai pertandingan seperti pertandingan kawad kaki yang mencerminkan disiplin dan semangat kerjasama," ujarnya.

Tambah beliau, penganjuran fiesta tersebut juga adalah selaras dengan hala tuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Dasar Belia Malaysia yang memberi fokus kepada pembangunan holistik anak muda.

Hadir sama, Timbalan Pengarah, Pendidikan Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Mohamad Said Ibrahim; Timbalan Pengarah, Pendidikan Sektor Perancangan dan Pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah, Mohamad Dziauddin Mat Saad; Pengarah Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Mozakir Buyong Mokhtar dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Ong Chin Shi.



**SEBAHAGIAN pelajar yang mengambil bahagian dalam pertandingan kawad kaki baru-baru ini.**



**PASUKAN Kadet Remaja Sekolah dan Pengakap SMKA Syeikh Abdullah Fahim meraikan kejayaan selepas mengungguli beberapa kategori pada penganjuran kali ini.**

# 'Mini UTC' di Teluk Kumbar mercu tanda baharu

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**BAYAN LEPAS -** Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan berjumlah RM5 juta untuk pelaksanaan beberapa projek asas baharu selain projek yang telah tersenarai bagi daerah Barat Daya, khususnya di Teluk Kumbar.

Selain itu, Anwar turut mengumumkan kelulusan bagi mewujudkan sebuah Pusat Transformasi Bandar (UTC) mini di Kompleks Madani Teluk Kumbar yang dijangka siap pembinaan pada 31 Januari 2027.

"Sekarang sudah ada dua UTC di Pulau Pinang iaitu di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) dan Bagan (diumumkan dalam Belanjawan 2025), jadi kita buat 'mini UTC' di Kompleks Madani Teluk Kumbar.

"Saya gembira dengan pembinaan Kompleks Madani Teluk Kumbar ini yang bersifat lebih menyeluruh dan memenuhi keperluan penduduk di sini serta kawasan sekitarnya," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Kompleks Madani Teluk Kumbar yang




**KETUA Menteri bersama-sama Perdana Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Persekutuan dan Negeri ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Kompleks Madani Teluk Kumbar dekat sini pada 19 Julai lalu.**

turut dihadiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 19 Julai lalu.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Nga Kor Ming; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long; Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Dato' Azrul Mahathir Aziz dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran.

Sementara itu, Kon Yeow berkata bahawa pembinaan Kompleks Madani Teluk Kumbar yang menelan kos RM25 juta itu bukan sekadar sebuah pasar baharu tetapi turut menjadi mercu tanda kepada lokaliti setempat yang sekian lama dinantikan oleh penduduk setempat.

"Projek ini merupakan satu lagi langkah signifikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MBPP dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menyediakan kemudahan awam yang lebih cekap, selamat dan inklusif.

"Difahamkan bahawa kompleks ini bukan sahaja bakal menjadi hab perkhidmatan yang menyeluruh tetapi turut menyumbang kepada pengurangan kesesakan trafik, khususnya di kawasan Bayan Lepas," katanya.

Difahamkan, Kompleks Madani Teluk Kumbar yang dibina di atas tanah seluas 4.37 ekar itu bakal dilengkapi dengan 78 gerai, kiosk (8), dewan serba guna yang dilengkapi lima gelanggang badminton, pejabat serta tempat letak kereta (103), motosikal (54) dan basikal (22).

Bangunan kompleks dua tingkat dengan keluasan 74,000 kaki persegi itu juga akan dilengkapi dengan ciri bangunan hijau, kemudahan reka bentuk sejagat, tandas, bilik persalinan dan lain-lain komponen berkaitan.

## Apa kata mereka?

**PENANTIAN** hampir satu dekad penduduk Teluk Kumbar untuk memiliki sebuah kompleks komuniti moden akhirnya menjadi kenyataan.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** baru-baru ini cuba mendapatkan respons daripada wakil rakyat dan penduduk setempat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, **DATO' AZRUL MAHATHIR AZIZ** berkata bahawa impian untuk mendirikan sebuah pasar awam di Teluk Kumbar telah menjadi agenda utama sejak beliau memegang amanah sebagai wakil rakyat pada tahun 2016.

"Malah, saya turut mengadakan perbincangan secara langsung bersama Ketua Menteri dan komunikasi berterusan dengan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dari semasa ke semasa.

"Kompleks Madani Teluk Kumbar ini tampil dengan wajah baharu yang lebih moden dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk dewan serba guna serta medan selera.

"Lebih membanggakan, kelulusan bagi mewujudkan sebuah mini Pusat Transformasi Bandar (UTC) di sini direalisasikan seperti diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini," ujarnya teruja.

Mengulas lanjut, Azrul Mahathir memberitahu bahawa rakyat di Teluk Kumbar turut menerima bonus apabila kawasan tersebut diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM5 juta bagi pembangunan infrastruktur di kawasan sekitar.

"Sudah tentu sambutan rakyat terhadap projek ini amat menggalakkan dan hampir 95 peratus penduduk Teluk Kumbar kini sedia maklum akan kewujudan kompleks ini.

"Satu lagi impian penduduk bakal direalisasikan apabila pembinaan sebuah stesen minyak baharu yang dijangka akan dimulakan tidak lama lagi," katanya lagi.



**ABDULLAH Hamid Mydin.**

Sementara itu, **ABDULLAH HAMID MYDIN**, 57, menyatakan bahawa dia amat teruja dengan pembinaan kompleks baharu itu kerana dapat menggantikan pasar lama yang uzur.

"Dulu pasar sedia ada sempit dan panas, susah untuk berniaga tetapi kini dengan adanya pengasingan bahagian gerai basah dan kering akan memberi kemudahan kepada peniaga dan pembeli.

"Saya tidak sabar nak lihat projek ini siap dengan jayanya," katanya yang merupakan peniaga di kawasan sekitar.



**ISMAIL Ibrahim.**

Bagi **ISMAIL IBRAHIM**, 61, seorang pesara tentera, kompleks yang dijangka siap pada awal tahun 2027 itu bakal menyediakan lebih banyak kemudahan lebih mesra warga emas.

"Kebiasaannya jika hendak uruskan hal-hal dokumen atau perbankan, penduduk sini perlu ke kawasan bandar, jadi apabila adanya 'mini UTC' di sini, mudah bagi golongan warga emas macam saya ni.

"Lagipun majoriti penduduk menyambut baik inisiatif ini dan menyifatkannya sebagai satu anjakan baru buat kawasan Teluk Kumbar," ujarnya.



**WANG Pei Shan.**

Sementara itu, **WANG PEI SHAN**, 25, menyifatkan kompleks tersebut bakal membuka ruang ekonomi baharu kepada anak muda yang mahu berniaga.

"Kompleks Madani ini bakal menjadi sebuah tempat untuk semua komuniti berkumpul.

"Saya harap ada peluang sewa gerai untuk belia tempatan, ramai belia di sini mahu bangunkan ekonomi di kawasan sendiri," kata usahawan muda itu.

# Bersara bukan bererti rehat selamatkan 'si bulus' terbiar

"KALAU saya tak tolong, siapa lagi nak tolong mereka?"

Itu kata-kata penuh kasih dan tekad seorang pejuang senyap haiwan jalanan, **SHARIE CHEAH**, 64, yang menjadikan usia persaraannya sebagai medan perjuangan untuk menyelamatkan kucing-kucing terbiar daripada derita dan kematian di jalanan.

Bersara awal pada tahun 2015 selepas lebih tiga dekad berkhidmat di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), wanita berhati cekal ini kini mencurahkan masa, tenaga dan wang ringgit demi memberi peluang kedua buat 'si bulus' yang dilupakan masyarakat.

"Saya mula dengan dua ekor saja, tapi sekarang dah lebih 10 ekor duduk di rumah saya.

"Kalau campur yang saya beri makan setiap hari, lebih 30 ekor dan tidak termasuk yang datang dan pergi," ujarnya ketika ditemui di kawasan perumahan Bukit Gelugor.

Baru-baru ini, Sharie berkesempatan berkongsi kisah pengorbanan dan pengalamannya sebagai penyelamat haiwan jalanan dalam satu sesi wawancara khas bersama wartawan Buletin Mutiara, **M. DANESWARAN** dan jurugambar, **SIEW CHIA EN**.

## Titik permulaan

Segalanya bermula secara tidak dirancang yang mana pada suatu hari selepas bersara, Sharie melihat seorang wanita menghalau ibu kucing serta anak-anaknya dari sebuah kedai makan menggunakan payung, dan perbuatan kasar itu begitu menyentuh hatinya.

"Saya terus kutip anak-anak kucing itu dan letakkan dalam kotak sebelum mencari bantuan… saya tak boleh tengok saja," katanya sambil mengimbas kembali detik awal penglibatannya dalam misi menyelamatkan kucing jalanan.

Sejak itu, beliau menjadikan penyelamatan, rawatan dan penjagaan kucing sebagai sebahagian daripada rutin hariannya.

## Kereta jadi 'kafeteria bergerak'

Setiap hari, Sharie akan memandu dua kali pada waktu pagi dan petang ke lokasi-lokasi tetap sekitar kawasan perumahan, tanah kosong dan tanah kerajaan semata-mata untuk memberi makan kucing jalanan.

Justeru, keretanya kini sudah menjadi seperti 'kafeteria bergerak' yang lengkap dengan bekas makanan, air bersih dan tisu basah.

"Kalau mereka tengah makan, saya akan tunggu dulu.

"Selepas itu, saya kutip semula semua bekas dan bersihkan kawasan sekeliling," ujarnya sambil tersenyum.

Namun menurut Sharie, memberi makan hanyalah sebahagian daripada tanggungjawab kerana apa lebih penting adalah usaha pengembirian atau *spay and neuter* bagi mengawal populasi kucing jalanan.

"Seekor kucing betina boleh beranak dua kali setahun, jadi kalau tak dikawal, dalam setahun boleh jadi berpuluh-puluh ekor… itu yang jadi masalah besar di tempat awam.

"Seekor pun dah telan kos RM180 ke RM250… kalau banyak, memang saya tak mampu nak tanggung seorang diri," luahnya dengan perasaan jujur.

Walau bagaimanapun, beliau bersyukur kerana beberapa klinik veterinar yang tampil menawarkan harga kebajikan khas buat penyelamat bebas sepertinya.

Dalam pada itu, Sharie menyatakan bahawa antara detik paling menyakitkan hati adalah melihat kucing yang cedera teruk tetapi tidak mampu dibantu kerana kekangan kewangan.

"Pernah seekor kucing kena hempap kayu sehingga kepala kucing itu pecah, tetapi kos rawatan mencecah hampir RM2,000 sehingga saya pinjam di sana sini untuk tujuan rawatan.

"Selain penyakit, ancaman anjing liar juga membimbangkan kerana beberapa ekor kucing di kawasan ini mati dikejar dan dibaham ketika malam," kongsinya dengan perasaan sedih.



PETRA merupakan salah seekor kucing yang berjaya diselamatkan.



SETIAP ekor kucing yang diselamatkan akan diberikan makanan yang bernutrisi.



SELAIN menyediakan makanan, keadaan sangkar dan keselesaan kucing-kucing yang diselamatkan turut diberikan perhatian.

## Rumah angkat

Dalam usaha mencari rumah angkat yang sesuai, Sharie mengambil pendekatan yang sangat berhati-hati.

Setiap permohonan perlu melalui proses temuduga yang teliti iaitu merangkumi maklumat peribadi, latar belakang keluarga, keadaan rumah dan tahap kesediaan memikul tanggungjawab jangka panjang.

"Kita kena pastikan orang tu betul-betul ikhlas dan bukannya main ambil untuk suka-suka sahaja.

"Saya juga akan bertanya sama ada terdapat bayi di rumah kerana bimbang berlaku alahan kepada bayi tersebut.

"Pernah terjadi, orang pulangkan semula kucing sebab bayi tak tahan dengan bulu…. kesian kucing, boleh jadi trauma," ulasnya.

Lebih mengejutkan, menurut Sharie, ada juga kes kucing diambil untuk dijadikan makanan ular peliharaan.

"Sejak itu, saya hanya mengehadkan satu ekor sahaja untuk setiap keluarga," jelasnya.

## Harapan

Dalam keletihan dan kekangan kewangan, Sharie tetap teguh dengan pendiriannya untuk memastikan setiap kucing jalanan berhak hidup dengan selamat dan bermaruah.

Sebagai penutup, Sharie menitipkan pesanan penuh tegas kepada mereka yang berhasrat untuk membela haiwan peliharaan.

"Kucing ini bukan mainan untuk kamu atau anak-anak kamu.

"Kalau kamu tidak bersedia hendak jaga, vaksin dan beri makan, lebih baik jangan bela walaupun seekor," tegasnya.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
